

PELUANG MENGUKUR KIBLAT MENGGUNAKAN KAEDAH ISTIWA A'DZAM BAGI TAHUN 2025

Arah kiblat adalah satu perkara yang sangat penting dalam pelaksanaan ibadah terutama pelaksanaan ibadah solat. Secara umumnya kiblat dalam konteks di Malaysia berada di antara arah Barat dan Barat Laut, atau di antara lingkungan azimuth 290 darjah – 293 darjah.

Namun terdapat kaedah yang mudah dan tepat dalam mengukur arah kiblat antaranya Istiwa A'dzam. Di dalam kitab-kitab falak tradisional menyatakan umumnya ia akan berlaku pada 2 tarikh dan waktu, iaitu :

1. 28 Mei : 5.16 petang [27 Mei – pada tahun lompat]
2. 16 Julai : 5.28 petang [15 Julai – pada tahun lompat]

Pada tahun 2025 ini, pengukuran dapat dibuat pada 28 Mei 2025 [Rabu] pada jam 5.16 petang dan 16 Julai 2025 [Rabu] pada jam 5.28 petang.

Namun berdasarkan semakan data matahari dengan kedudukan azimuth kiblat di lokasi Ipoh [juga boleh dijadikan panduan bagi lain-lain lokasi] , pengukuran yang lebih tepat dapat dibuat pada tarikh dan waktu berikut:

Bil	Tarikh	Masa	Azimuth Kiblat	Azimuth Matahari
1.	27 Mei 2025	5.15 petang	291° 54' 09"	291° 55' 46"
2.	28 Mei 2025	5.22 petang	291° 54' 09"	291° 54' 24"
3.	29 Mei 2025	5.29 petang	291° 54' 09"	291° 55' 29"

Namun, kita juga boleh menyemak bayang kiblat sekitar 10 minit sebelum dan selepas waktu yang dipaparkan. Ini kerana berdasarkan semakan, selisih antara arah kiblat dan matahari tidaklah ketara [kurang dari 1 darjah].

Maka, pihak Jabatan Mufti Negeri Perak berharap semua pihak dapat mengambil peluang ini bagi menyemak kedudukan kiblat terutama di rumah masing-masing.

Disediakan Oleh :

Bahagian Falak,
Jabatan Mufti Negeri Perak

ISTIWA A'DZAM



PENGUKURAN ARAH KIBLAT

28 MEI : JAM 5.16 PTG

16 JULAI : JAM 5.28 PTG

Kaedah Pengukuran


1. Cari tiang atau objek tegak seperti tiang, tingkap atau pintu.
2. Tandakan bayang yang wujud pada tarikh dan waktu yang ditetapkan seperti di atas.
3. Arah kiblat adalah berlawanan dengan bayang tersebut.



MENGUNAKAN TIANG DI LUAR RUMAH



MENGUNAKAN TINGKAP DI DALAM RUMAH



Istiwa A'dzam berlaku bila Matahari sedang berada tegak di atas Kaabah. Serentak dengan itu arah bayang akan berlawanan dengan kiblat.

